

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : HARI PERINGATAN PANDU PUTERI
Lokasi : KUALA LUMPUR
Tarikh : 25-02-1984

Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas penghargaan yang telah diberikan kepada saya untuk berucap kepada para hadirin, khususnya ahli-ahli dan sahabat-sahabat Pergerakan Pandu Puteri, pada hari yang istimewa ini. Hari ini bukan saja diperingati oleh Pergerakan Pandu Puteri di negara kita, tetapi juga di seluruh dunia. Hari ini, hari lahir pengasas Pergerakan Pandu Puteri, Lady Olave Baden-Powell, diperingati dengan tujuan utama untuk menggalakkan Pandu Puteri memberikan perhatian kepada semua rakan seperjuangan, jauh dan dekat, tua dan muda, tanpa mengira batas warna kulit, agama, bangsa dan negara.

Puan-puan para hadirin sekalian,

2. Mengingati dan memberikan perhatian kepada rakan-rakan seperjuangan adalah langkah yang penting bagi mengukuhkan tali persahabatan antara kita. Dan ini adalah suatu amalan yang perlu digalakkan, khususnya di kalangan anak-anak gadis dan kaum wanita yang melibatkan diri dalam Pergerakan Pandu Puteri. Di samping mengukuhkan persahabatan dan perpaduan di dalam negeri, amalan ini juga dapat memupuk persefahaman antarabangsa. Persahabatan dan persefahaman, adalah penting bagi mewujudkan kehidupan keluarga dan masyarakat yang aman damai dan bahagia.

3. Oleh itu, saya mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan kedatangan ahli-ahli dan sahabat-sahabat Pergerakan Pandu Puteri, yang telah datang dari jauh dan dekat, untuk menjayakan pertemuan ini. Pergunakanlah pertemuan ini dengan sebaik-baiknya untuk mengeratkan persahabatan dan persefahaman, mengukuhkan perpaduan dan kerjasama antara kita sesama kita.

4. Tidak banyak pertubuhan - sama ada untuk orang-orang muda mahupun orang-orang dewasa - di negara kita ini, yang mempunyai keahlian daripada rakyat berbagai keturunan dan agama. Pergerakan Pandu Puteri adalah satu daripada pertubuhan yang sedikit itu. Sejak mula ditubuhkan lagi Pandu Puteri menjadi wadah untuk pertemuan dan kegiatan wanita dan anak-anak gadis dari semua keturunan yang menjadi anggota masyarakat negara kita ini. Tidak syak lagi, pergerakan ini - terutama setelah kita mencapai kemerdekaan - telah memberikan sumbangan yang bererti dalam usaha mengukuhkan perpaduan nasional dan mewujudkan kehidupan yang aman dan sejahtera. Falsafah dan nilai-nilai kemanusiaan universal yang menjadi pegangan dan amalan pergerakan ini, adalah secocok dengan Rukunegara kita. Oleh kerana itu, Pergerakan Pandu Puteri ini perlulah diperkembang dan diperhebatkan lagi, dengan melibatkan lebih banyak anak-anak gadis dan wanita, menjadi ahli dan mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan yang dijalankannya.

5. Saya mendapat tahu ramai anak-anak gadis, terutama yang masih di bangku sekolah, ingin menyertai Pergerakan ini.

Akan tetapi, keinginan mereka ini tidak dapat dipenuhi oleh kerana kurangnya ahli-ahli yang berpengalaman, yang sanggup menjadi pemimpin Pergerakan ini. Oleh itu, pada kesempatan yang baik ini, saya meminta kepada kaum wanita yang pernah menjadi ahli, lebih-lebih lagi yang pernah menjadi pemimpin Pandu Puteri, supaya tampil ke hadapan untuk memberikan khidmat kepada anak-anak gadis kita yang sangat-sangat memerlukan pimpinan daripada kita yang telah dewasa, daripada kakak-kakak dan ibu-ibu yang pernah berkecimpung dalam Pergerakan Pandu Puteri.

6. Pergerakan ini akan terus memainkan peranan yang berkesan dalam masyarakat wanita khususnya. Oleh kerana itu sukacitalah saya memberikan sedikit pandangan, agar kegiatan-kegiatan yang dijalankan, terutama yang berkaitan dengan pembinaan sikap dan pemikiran, latihan dan khidmat bakti untuk masyarakat, akan sentiasa sesuai dan selaras dengan perubahan yang sedang berlaku dalam masyarakat kita.

Pada pendapat saya, kajian yang teliti perlulah dibuat supaya mana-mana program dan kegiatan tradisi

Pandu Puteri, yang tidak lagi sesuai dengan kehendak dan tuntutan masyarakat Malaysia sekarang, dapat disesuaikan. Cita-cita dan matlamat untuk mengwujudkan suatu bangsa dan sebuah negara yang bersih dan maju, yang kuat dan bermaruah, rakyat yang cekap dan berhemah tinggi, masyarakat yang sempurna dan tiada kemiskinan, perlulah dijadikan asas-asas bagi merancang apa-apa juga kegiatan pergerakan ini mulai dari sekarang. Kegiatan-kegiatan bagi melaksanakan konsep Bersih, Cekap dan Amanah, Kepimpinan Melalui Teladan, dan penerapan nilai-nilai Islam, adalah di antara kegiatan-kegiatan dan konsep-konsep baru yang sangat sesuai untuk dipraktikkan melalui Pergerakan Pandu Puteri ini.

7. Semua ini adalah objektif dan nilai-nilai yang baik, yang universal dan menjadi idaman seluruh manusia, apa juga keturunan dan agama, dan di mana juga mereka berada. Saya percaya, Pandu Puteri sebagai salah satu pertubuhan masyarakat berbilang keturunan yang tertua di negara kita ini, akan dapat memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan cita-cita dan idaman ini, iaitu cita-cita dan idaman kita bersama.

8. Sebagai penutup, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Persatuan Pandu Puteri Negeri Selangor/Wilayah Persekutuan, di bawah pimpinan YB Senator Puan Seri Datin Janali Athi Nahappan yang telah merancang dan melaksanakan pertemuan ini. Saya berharap pertemuan ini akan memperkuat semangat dan cita-cita, dan memberikan pemikiran serta idea-idea baru, bagi Pergerakan Pandu Puteri ini meneruskan khidmat bakti kepada puteri-puteri Malaysia khususnya dan bangsa serta negara seluruhnya.

7. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Hari Peringatan 1984 ini.

Terima kasih.